

Nama : _____

Kelas : _____

1. Baca petikan karangan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada suatu masa dahulu, di tebing Sungai Singapura tinggal Temenggong Abdul Rahman dan anak buahnya. Tempat ini dikenali sebagai Kampung Temenggong. Suatu hari, datang Residen Syarikat India Timur Bernama Thomas Stamford Raffles untuk mencari pusat perdagangan di Asia Tenggara. Setelah beliau berbincang dengan Temenggong Tuan Raffles mendapat keizinan untuk membuka pusat perdagangan di sini.

Tidak lama kemudian, tersebarlah berita bahawa Singapura menjadi pusat perdagangan. Ketika itu ramai pedagang dan saudagar dari Timur dan barat datang berniaga dan bekerja di sini. Banyaklah kapal, perahu, tongkang dan sampan berlabuh di muara sungai. Sungai Singapura itu menjadi perlabuhan yang pertama di Asia Tenggara.

Kedudukan Singapura yang terletak di laluan antara India dengan China memudahkan barang dagangan bertukar tangan. Selain barang dagangan, seperti rempah-ratus, sutera, tembakau, kopi, tembikar dan kain kapas, para pedagang mulai mengenali Bahasa, adat dan budaya pelbagai Bahasa.

Jawab soalan-soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap.

a. Di manakah Temenggong Abdul Rahman dan anak buahnya tinggal?

b. Siapakah yang berjumpa dengan Temenggong Abdul Rahman?

c. Apakah tujuan Stamford Raffles datang ke Singapura?

d. Mengapakah Singapura boleh menjadi pusat perdagangan yang berjaya pada waktu itu?

e. Sebutkan barang-barang dagangan yang didagangnya di sana?

f. Selain dari bertukar tangan barang dagangan, para pedagang juga boleh mengenali apa di sana?

g. Sungai manakah yang menjadi perlabuhan yang pertama di Asia Tenggara?

h. Berikan maksud bertukar tangan?

i. Berikan antonym bagi perkataan timur

j. Berikan sinonim bagi perkataan pedagang ?

[20 markah]

2. Berikan **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi perkataan-perkataan yang bergaris.

a) Bermainlah di tempat yang selamat dan jangan bermain di tempat yang

b) Pakaian yang sudah **kering** itu menjadi _____ kerana ditimpa hujan.

c) Barang saya yang **hilang** itu telah _____ Setelah dicari di dalam biliknya.

d) Pastikan tempat tinggal kita sentiasa bersih. Tempat tinggal yang

_____ akan menyebabkan kita mudah mendapat penyakit.

e) Dunia ini hanya pinjaman. _____ lah tempat abadi.

3. Isikan tempat kosong dengan **KATA GANDA** yang betul.

a) Emak suka pergi ke tamu di Tudung Saji kerana buah-buahannya

Segar - _____.

b) Encik Kadir yang terkenal itu adalah saudagar yang **kaya** - _____

c) Walaupun umur Said dua puluh tahun, perangainya masih **kebodak-**

_____.

d) Kamu tidak dibenarkan untuk mandi- _____ di kawasan sungai yang airnya sangat deras.

e) Apabila dipuji, Amirah **tersipu** - _____ malu

(5 markah)

4. Isikan tempat kosong dengan **IMBUHAN** yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah ini,

a) Pak Murad kecewa kerana _____ semua anaknya tidak pulang berhari raya di kampung. (me-, ke-, di-)

b) Mereka baru sahaja _____ kenalan tetapi kelihatan sungguh akrab. (ter-an, ber-an, ke-an)

c) Mereka terpaksa berlapar kerana telah _____ habis _____ bekalan makanan. (ke-an, meng-an, ter-an)

d) Kehijauan sawah _____ bentang luas di depan matanya. (pem-, ke-, ter-)

- e) Datuk dan nenek ke hospital untuk mendapatkan rawat_____ (-an, -kan, -i)
- f) Bangunan itu telah_____bina oleh jurubina yang mahir dan terkenal. (di-, ter-, mem-)
- g) Pihak polis sedang_____awas_____gerak-geri pencuri itu melalui celah tingkap. (peng-i, meng-i, meng-kan)
- h) Kasihan budak lelaki itu_____minum racun serangga yang disangkanya air kopi (me-, ter-, pe-)
- i) . Upacara perasmian bangunan baharu it akan_____langsung pada hari Ahad ini. (di-, ter-, ber-)
- j) Daun-daun itu_____gugur_____ditiup angin yang kencang. (pe-an, ber-an, me-kan)

(10arkah)

5) Isikan tempat-tempat kosong dengan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai.

- Datuk saya membeli se_____ payung di kedai runcit.
- Se_____jaring badminton yang dibeli oleh ayah tidak boleh dipakai lagi kerana telah koyak.
- Abang Rosli membelikan se_____rantai untuk anaknya.
- Setiap minggu saya menulis se _____ surat kepada abang saya yang belajar di Australia.
- Haji Mukriz mempunyai beberapa _____ keris.

6) 4.Tulis **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- Ali menggunakan wang (_____) yang diberikan oleh ibunya untuk membeli pen.
- Alizan berasa hiba (_____) melihat neneknya yang sakit.

- c. Ibu sangat kasih (_____) kepada kami sekeluarga.
- d. Ayah berasa sangat khuatir (_____) kerana abang dari belum pulang lagi.
- e. Azimah mengambil air dari perigi (_____) di kampung.
- f. Bunga Mawar di taman ini sungguh harum (_____) baunya.
- g. Kami terpaksa menggunakan lilin (_____) kerana tenaga elektrik terputus serta merta.
- h. Abang menolong ayah mengecat tingkap (_____)
- i. Air terpancut keluar daripada paip (_____) yang bocor itu.
- j. Matematik bukanlah satu subjek yang susah (_____)

(10 markah)

5. Isikan tempat - tempat kosong dengan **PENANDA WACANA** yang disediakan dalam petak bag ayat-ayat di bawah ini.

sebelum itu	sementara	namun	selain itu	mungkin
-------------	-----------	-------	------------	---------

- a) Aleesya membaca buku _____ menunggu adiknya balik dari sekolah.
- b) Nenek pandai menganyam tikar, _____ beliau juga menganyam bakul rotan.
- c) Rayyan tidak ada di dalam biliknya, _____ dia keluar Bersama ayahnya.
- d) Namanya telah dicalonkan sebagai wakil sekolah kita, _____ wajahnya tetap muram.
- e) Kami sekeluarga akan berkunjung ke rumah Pakcik Samad, _____ kami akan singgah dulu di masjid untuk solat Asar.

(5 markah)

6. Tuliskan semula **PERKATAAN** yang terdapat di dalam petak pada ruangan yang disediakan mengikut **GOLONGAN KATA** yang betul.

Bunga Mawar	Kota Kinabalu	tupai	Sekolah Rendah Lumut	kelapa
Pejabat pos	kanak-kanak	Hamidah	Balai Polis Penaga	kucing

KATA NAMA AM	KATA NAMA KHAS

(10 Markah)

7. Tuliskan semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah dengan peribahasa yang Sesuai.

Melakukan sesuatu hendaklah ikut kemampuan diri sendiri.
Orang yang jahat dan suka mengganggu orang lain
Seseorang yang tidak tahu menghargai pemberian orang lain
Cepat-cepat lari kerana ketakutan
Sukar untuk membuat pilihan

a) Langkah seribu

b) Rambang mata

c) Kacang hantu

d) Ukur baju di badan sendiri

e) Seperti kera mendapat bunga

(5 Markah)

8. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat larangan	Ayat tanya	Ayat seru	Ayat perintah	Ayat penyata
Bagaimanakah awak tahu saya berada di sini?				
Tolong, masukan tin minuman yang sudah kosong ke dalam beg plastic sampah				
Jangan bermain layang-layang di tepi jalan raya				
Aduh, sakitnya kakik!				
Apakah nama adik ipar kamu, Asmah?				
Jangan ambil air minuman di atas meja itu.				
Usah kamu fikirkan perkara yang menyedihkan itu.				
Ahmad seorang murid yang sangat rajin				

9. Tuliskan semula ayat-ayat di bawah in dengan membubuh **TANDA BACA** yang betul.

a." Siapakah nama guru bear sekolah awak " tanya hadif kepada aliya

b. dalam kejadian banjir kilat semalam banyak kereta yang tenggelam

c. amboi cantik sungguh wajah awak kata siti aisyah kepada marsya

d. sebelum menyeberang jalan raya kita hendaklah melihat ke kiri dan ke kanan

e. pada hari khamis jumaat sabtu dan ahad darwish akan bercuti ke kuala lumpur bersama keluarganya

(10 Markah)

10. Isikan tempat-tempat kosong dengan **KATA HUBUNG** yang disediakan di dalam petak.

dan	supaya	jika	kerana	sambil
-----	--------	------	--------	--------

a. Syamsul akan pergi ke London _____duitnya sudah cukup untuk menampung perbelanjaannya di sana

b. Gopal menangis teresak-esak _____kakinva berdarah terpijak paku yang besar dan berkarat.

c. Karina _____Kamarina adalah kembar yang tidak seiras.

d. Dania memotong sayur-sayuran_____bercakap dalam telefon dengan ibunya.

e. Gurunya menasihati Nurin_____belajar dengan lebih tekun dan gigih

(5 markah)